

**Usaha Bersepadu Tingkatkan Kadar Penembusan Jalur Lebar Malaysia
Bernama
15 Mei, 2012**

KUALA LUMPUR, 15 Mei (Bernama) -- Usaha bersepadu oleh kerajaan dan mereka yang terlibat dalam industri komunikasi dan multimedia telah meningkatkan kadar penembusan jalur lebar isi rumah Malaysia, kata Timbalan Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Joseph Salang.

Beliau berkata terdapat hanya 4,500 pelanggan jalur lebar mudah alih pada tahun 2006 tetapi menjelang akhir tahun lepas, jumlah pelanggan mencapai tiga juta.

"Pada 2011, kadar penembusan jalur lebar isi rumah ialah 62.9 peratus dan menjelang 2015 kami menasarkan untuk mencapai 75 peratus penembusan jalur lebar isi rumah," katanya pada perasmian Froum Jalur Lebar IP & TV Asia 2012 di sini, pada Selasa.

Beliau berkata pembuat dasar, pengawal selia dan peserta industri juga perlu bekerjasama untuk mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk pelaburan, memudahkan pengenalan mengenai teknologi komunikasi maklumat serta permohonan dan perkhidmatan.

Beliau berkata pihak-pihak berkepentingan dalam industri pula telah mula menyediakan kandungan dan aplikasi berguna, yang akhirnya akan merealisasikan kewujudan cara hidup digital.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=666294>